



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

KENYATAAN MEDIA
YAB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL
TIMBALAN PERDANA MENTERI
MERANGKAP MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT.

MESYUARAT MAJLIS SOSIAL NEGARA BILANGAN 1 TAHUN
2018

1. Mesyuarat Majlis Sosial Negara hari ini adalah yang pertama saya pengerusikan sejak perubahan kerajaan dan dihadiri oleh semua pihak yang berkepentingan.
2. Isu sosial merupakan isu rentas Kementerian yang melibatkan pelbagai agensi Kerajaan.
3. Majlis ini merupakan platform terbaik sebagai mekanisme bagi menangani isu sosial secara holistik.
4. **Fungsi Majlis ini adalah untuk:**
 - (i) **Membuat keputusan dasar tentang hala tuju pembangunan sosial;**
 - (ii) **Menilai program/strategi pembangunan sosial; dan**

(iii) Mengenal pasti dan membuat keputusan bagi menangani isu-isu yang berkaitan pembangunan sosial.

5. Antara fokus utama mesyuarat kali ini adalah berhubung pelaksanaan program Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial untuk menangani isu perkahwinan bawah umur dan gangguan seksual terhadap kanak-kanak.

6. Pencegahan bermula dengan kesedaran dan pendidikan, dan sekolah merupakan medium terbaik untuk tujuan ini.

7. Kertas-kertas yang telah dibincangkan dan dipersetujui adalah seperti berikut:

(i) Terma Rujukan Majlis Sosial Negara (MSN) bagi memperkukuh dan memberi nafas baharu dalam pelaksanaan Majlis ini;

(ii) Pelaksanaan Program Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PEKERTI) oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara.

(iii) Pelaksanaan Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PEERS) di Sekolah serta Garis Panduan yang

terlibat untuk memberi pendidikan dan kesedaran kepada masyarakat khususnya remaja, oleh Kementerian Pendidikan Malaysia;

- (iv) Manual Persediaan Kecemasan Bencana Untuk Orang Kurang Upaya (OKU). Manual ini bertindak sebagai panduan pengurusan OKU sebelum, semasa dan selepas bencana; serta
- (v) Cadangan Pewujudan Majlis Tindakan Wanita Negara (MTWN) untuk memperkasakan wanita dan memastikan semua perancangan program pembangunan wanita dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan di semua peringkat.

8. Majlis akan membincangkan perkara-perkara berikut dalam mesyuarat yang akan datang:

- i. Gangsterisme, Gejala Buli dan Masalah Penyalahgunaan Dadah;
- ii. Usaha menangani masalah sosial yang berlaku di Kawasan Program Perumahan Rakyat (PPR);

iii. Isu kanak-kanak yang tercicir daripada akses Pendidikan dan Transformasi Bidang Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET); dan

iv. Isu remaja hamil luar nikah.

9. Saya mengalu-alukan penglibatan daripada ahli-ahli Parlimen, akademik dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) untuk bekerjasama dengan ahli Majlis dalam menyumbangkan cadangan penyelesaian kepada masalah sosial negara.

10. Isu-isu sosial yang melibatkan kanak-kanak, warga emas, OKU dan wanita adalah keutamaan saya.

11. Saya tidak akan berkompromi dalam hal ini.

###

Disediakan oleh:

Urus Setia Majlis Sosial Negara
Bahagian Dasar Dan Perancangan Strategik
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat
22 November 2018